

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 22 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 27

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1242-L44069
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan yang akan dimainkan oleh Global Science & Innovation Advisory Council (GSIAC) dalam mengembangkan keupayaan inovasi negara dan nyatakan harapan dan aspirasi Kerajaan dengan penubuhannya.
2. PR-1242-L44576
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tujuan sebenarnya penstrukturan semula bank-bank yang akan dilaksanakan. Apakah implikasi kepada masa depan perbankan Islam di Malaysia.
3. PR-1242-L44678
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan rakyat Malaysia yang mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia mengikut pecahan-pecahan kaum dan etnik dalam jangka masa lima (5) tahun terdahulu dan berapakah kadar perbandingan mendapatkan rawatan antara hospital kerajaan dan swasta di negara ini.
4. PR-1242-L45037
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina jalan konkrit Kg Mambong di Kuala Krai sepanjang 2.5 km bagi kemudahan 200 penduduk.
5. PR-1242-L44430
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes rasuah yang telah dikendalikan menerusi 14 Mahkamah Khas yang ditubuhkan khusus untuk mengendalikan kes rasuah dan berapa ramai perlantikan hakim di mahkamah khas itu.

6. PR-1242-L43914
Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah cukai tanah yang dibayar oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada negeri Kedah bagi bangunan IPT yang ada di Kedah mengikut kadar per meter persegi setiap IPT tersebut.
7. PR-1242-L43509
Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semenjak NCER dilancarkan pada bulan Julai 2007 berapakah projek yang telah dilaksanakan di Negeri Perlis dan kenapakah Pusat Biji-biji Benih Negara yang telah dilulus untuk dibina di Kampung Surau, Utan Aji, Perlis tiba-tiba dibatalkan dan dipindahkan ke Negeri Kedah.
8. PR-1242-L44413
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab mengapa kadar tol untuk setiap kilometer yang dikenakan oleh Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS) adalah lebih tinggi daripada kadar tol yang dikenakan oleh Lebuhraya PLUS.
9. PR-1242-L44011
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) apakah perancangan yang bakal dilakukan untuk membuka mata rakyat terhadap kepentingan *Government Link Investment Company* (GLIC) untuk terus melabur dalam GLC; dan
 - (b) sejauh manakah keberkesanan GLC dalam membantu dan menyokong pelbagai plan transformasi yang dilancarkan Kerajaan supaya dapat memberi impak positif terhadap pembangunan ekonomi negara.
10. PR-1242-L44342
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh mana benarnya '*Freedom House*' yang meletakkan negara Malaysia di tangga ke-143 daripada 196 negara seluruh dunia dari segi sudut kebebasan akhbar. Se jauh mana kebenaran laporan ini.
11. PR-1242-L43868
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing (FDI) masuk ke Malaysia pada tahun 2009, 2010 dan tahun ini.
12. PR-1242-L44528
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional melanjutkan kontrak monopoli pengimportan beras kepada Bernas selama 10 tahun sehingga 2021 sedangkan tindakan Bernas yang mengisytiharkan dividen sebanyak 36% daripada modal sahamnya menunjukkan masih terdapat ruang persaingan dalam pasaran.

13. PR-1242-L44197
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan RTM dilihat sebagai satu saluran yang masih terbelakang berbanding saluran swasta yang lain. Apakah usaha naiktaraf pihak Kementerian dalam memajukan industri penyiaran di negara kita.
14. PR-1242-L44875
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kenapakah gaji minimum ditetapkan bagi pengawal keselamatan sahaja tetapi bukan bagi pekerjaan lain. Bilakah Kementerian akan mengenakan gaji minima bagi bidang pekerjaan yang lain dan bilakah ia akan dilaksanakan.
15. PR-1242-L43912
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sistem pemilihan bagi bantuan tabung PTPTN sebanyak RM1500 untuk kemasukan ke IPTA dan IPTS.
16. PR-1242-L44100
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil untuk mengurangkan pengaliran wang secara haram ke luar negara yang sejumlah RM 888 bilion seperti mana yang dilaporkan oleh *Global Financial Integrity*.
17. PR-1242-L44607
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sektor pelancongan memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi di Sibu, Sarawak. Apakah rancangan-rancangan Kementerian dalam mempromosikan dan mengembangkan sektor pelancongan Sibu.
18. PR-1242-L43139
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan tindakan untuk mengurangkan jurang kuasa politik, pendapatan dan gaji antara lelaki dan wanita di negara kita.
19. PR-1242-L43830
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membangunkan sebuah pelabuhan baru bagi menampung keperluan yang semakin meningkat dan kapasiti pelabuhan sedia ada di seluruh negara.
20. PR-1242-L44932
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam membebaskan Chong Chun Yi (27 tahun) yang dijatuhkan hukuman mati di Singapura pada 16 Jun 2008.
21. PR-1242-L43647
Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana untuk menarik orang-orang muda untuk bekerja di Sandakan.

22. PR-1242-L43526
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan berapakah kos keseluruhannya menaik taraf Jalan Raja Muda Musa Kampung Baru yang siap pada awal 2008, berapa panjang jalan yang terlibat, berapa pula kos memindahkan gerai-gerai ke Bakar Beta serta apakah kerosakan yang berlaku dan berapa pula kos penyelenggaraan dan pembaikan sejak tahun 2008.
23. PR-1242-L44805
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah institusi kewangan masih lagi bergantung sepenuhnya kepada sistem informasi dari Biro Kredit CCRIS dan CTOS untuk membuat penilaian terhadap kelulusan oleh institusi kewangan.
24. PR-1242-L43739
Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah bentuk bantuan atau insentif-insentif yang diberikan kepada pelabur asing yang melabur di Malaysia dan juga jenis bantuan yang diberikan kepada pelabur tempatan. Adakah wujud insentif istimewa bagi menggalakkan usaha sama antara pelabur asing dan usahawan tempatan.
25. PR-1242-L43285
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rumah yang ditawarkan melalui Skim Rumah Pertamaku untuk golongan muda berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah termasuk yang disediakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan nyatakan sambutannya setakat ini.
26. PR-1242-L44747
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) faedah menjual 30 peratus dengan harga RM3.27 bilion pegangan Khazanah Nasional Bhd dalam Malaysia's Integrated Healthcare Holdings kepada Mitsui & CO Japan; dan
 - (b) tidakkah ada syarikat-syarikat GLC atau PLC dalam negara yang dijemput untuk memberi tawaran kepada penjualan tersebut.
27. PR-1242-L44925
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kadar cukai tanah yang dikenakan oleh setiap Kerajaan negeri ke atas semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia berdasarkan meter persegi.

28. PR-1242-L43565
Dato' Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membentangkan Akta Halal bagi mengatasi keresahan masyarakat terhadap status produk makanan Halal lagi bersih.
29. PR-1242-L44816
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang telah diluluskan bagi kawasan Parlimen Sibuti sejak program RMR ini diperkenalkan oleh pihak Kerajaan.
30. PR-1242-L43332
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bentuk penyelarasan Kementerian yang mengeluarkan dokumen tawaran bagi projek-projek Kerajaan kepada Kontraktor PKK Kelas A dan Lembaga CIDB sepanjang tahun 2005-2010 serta bilangan kontraktor yang didapati ingkar mematuhi syarat dan arahan CIDB sehingga projek tersebut terbantut.
31. PR-1242-L43293
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kejayaan Program Pembangunan Vendor (VDP) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam usaha melahirkan vendor-vendor baru dan sejauh manakah ia menyumbang ke arah pembangunan syarikat tempatan.
32. PR-1242-L43339
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) apakah acara yang disertai oleh atlet negara ini bagi menyertai Sukan Olimpik 2012 London; dan
 - (b) apakah bentuk persediaan yang diambil oleh para atlet bagi menghadapi kejohanan tersebut.
33. PR-1242-L44574
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah perancangan Kerajaan di dalam membangunkan kompleks komuniti bersepadu seperti tempat letak kereta bertingkat, taman permainan, kompleks sukan, dewan komuniti, pusat penjaja dan lain-lain untuk keperluan rakyat di kawasan-kawasan perumahan awam (PPR) milik Kementerian di Kuala Lumpur.

34. PR-1242-L43435
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa lamakah jangka masa yang ditetapkan, bantuan kebajikan yang diberi kepada penerima, apakah pendekatan atau syarat yang diguna pakai untuk mengeluarkan penerima bantuan daripada senarai menerima. Bagaimanakah penguatkuasaan dilaksanakan untuk memastikan bahawa betul-betul layak/terus layak menerima bantuan.
35. PR-1242-L43142
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan atau usaha Kementerian menubuhkan sebuah Klinik Kesihatan 1Malaysia di Sarikei seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Kesihatan Sarikei pada masa lalu. Jika tidak, nyatakan cadangan baru atau usaha Kementerian khususnya di kawasan luar bandar Sarikei bagi menampung keperluan rakyat pada waktu ini.
36. PR-1242-L43646
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keputusan Kabinet tentang cadangan CEO PEMANDU pada 3 Jun 2010 dalam akhbar The Star untuk mengkaji semula perjanjian dengan IPP dan juga pemilik konsesi tol sehari dengan pemotongan subsidi rakyat secara berperingkat.
37. PR-1242-L43740
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan untuk menyediakan jurutera dan pembantu teknikal untuk Projek Bantuan Rumah dan Projek Perhubungan Desa untuk membantu di Pejabat Daerah Daro, Negeri Sarawak.
38. PR-1242-L44064
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kejayaan pelaksanaan pelaburan EPF untuk portfolio antarabangsa sebagaimana yang telah dinaikkan kepada 20 peratus dan bagaimanakah kesannya kepada penabung serta ekonomi dalaman.
39. PR-1242-L44593
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam mengurangkan kemalangan jalan raya khususnya melibatkan penunggang motosikal yang berumur antara 16 dan 25 tahun yang menjadi statistik majoriti terlibat di dalam kemalangan maut.
40. PR-1242-L43469
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Petroleum Development Act 1974, Act 144 dikemaskini untuk menggabungkan dengan corak ekonomi yang berubah dan keperluan negara, terutama di Sabah dan Sarawak yang mana kedua-dua negara yang telah menghasilkan gas dan minyak yang besar di Malaysia.

41. PR-1242-L43153
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian maklum bahawa antara kawasan Parlimen Kalabakan dan Tawau hanya ada 1 pusat perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat, sedangkan kawasan ini adalah seluas 6,125 kilometer persegi dengan penduduk mencecah 400,000 orang; dan
 - (b) jika maklum, apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan 1 lagi pusat perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat khususnya untuk Kalabakan sahaja.
42. PR-1242-L43983
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia bercadang mengadaptasi sepenuhnya pelaksanaan dan program pemulihan berdasarkan undang-undang seperti Racketeer Influenced and Corrupt Organizations Act (RICO) di Amerika Syarikat untuk membendung aktiviti kegiatan haram atau *racketeering* dan jenayah terancang atau *organized crime* yang semakin berleluasa terutama di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.
43. PR-1242-L44996
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa buah unit rumah kos rendah dan Rumah Mesra Rakyat yang telah dicadangkan dan dilulus untuk Pekan Dalat dalam Bahagian Mukah dalam RMK-10.
44. PR-1242-L43808
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memberhentikan pelarian Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR) melakukan perdagangan haram dan aktiviti melanggar undang-undang yang mempengaruhi perniagaan dan keselamatan warga negara Malaysia.
45. PR-1242-L44975
Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk melaraskan pasukan-pasukan/pertubuhan-pertubuhan seperti CERT (*Community Emergency Response Team*), RELA, Pasukan Bomba Kampung, Rukun Tetangga (RT) dan lain-lain yang kebanyakannya mempunyai keahlian yang sama.
46. PR-1242-L44611
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada hukuman mati telah pun berjaya menurunkan kes-kes jenayah berat dan sama ada Kerajaan berhasrat menghapuskannya dan sekiranya tidak, kenapa.

47. PR-1242-L44393
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal penggunaan istilah-istilah asing pada papan tanda perniagaan sehingga memberi kesan seolah-olah bahasa kebangsaan tidak bernilai komersial.
48. PR-1242-L44116
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan yang diterima bagi tahun 2010 dan 2011 yang diluluskan serta melalui ujian DNA. Nyatakan syarat-syarat dan dokumen kelulusan yang diperlukan untuk kelulusan.
49. PR-1242-L43228
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan projek sekolah yang terbengkalai di negeri Terengganu dan tindakan yang akan diambil kepada kontraktor yang gagal menyiapkan sekolah mengikut masa yang ditetapkan.
50. PR-1242-L43937
Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah yang dibayar balik oleh Kerajaan Pusat kepada Kedah hasil daripada FDI ke negeri itu sepanjang 2009 dan 2010.
51. PR-1242-L43853
Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan Kerajaan ke atas satu perkara yang dilaporkan oleh Utusan Malaysia bahawa ada sekumpulan orang Kristian di Pulau Pinang yang berhasrat mengangkat agama Kristian sebagai agama rasmi Malaysia.
52. PR-1242-L44028
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara dan berapakah daripada bilangan tersebut di bawah biasiswa atau tajaan Kerajaan. Bagi mereka yang di bawah biasiswa, apakah pecahannya mengikut bangsa.
53. PR-1242-L44811
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah pendapatan yang diperolehi oleh syarikat telekomunikasi hasil dari panggilan yang masuk ke peti suara (*voicemail*). Adakah pihak Kerajaan sedar rungutan rakyat mengenai masalah ini.

54. PR-1242-L43709
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada terdapat peningkatan jumlah kos pembiayaan 7,000 pegawai dan anggota Polis DiRaja Malaysia di seluruh negara yang pada asalnya melakukan tugas perkhidmatan awam, kini diserap ke dalam tugas hakiki polis. Nyatakan jumlah kos pembiayaan 7,000 polis untuk kedua-dua tugas perkhidmatan awam dan hakiki polis.
55. PR-1242-L44376
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan pekerja asing tanpa permit setakat 1hb Januari 2008 sehingga 1hb Mei 2011 yang berada di negara ini serta berapakah jumlah tindakan yang diambil terhadap majikan yang menggajikan pekerja tersebut.
56. PR-1242-L44512
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) laporan daripada *public hearing* yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) atas pembinaan MRT, termasuk bantahan-bantahan utama; dan
 - (b) pengubahsuaian ke atas pelan pembinaan MRT atas maklum balas yang telah diterima daripada pihak awam.
57. PR-1242-L43736
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah keputusan membina kompleks penapisan dan petrokimia bersepadu bernilai AS\$ 20 bilion (RM60 bilion) di Johor Selatan dibincang dengan pihak-pihak berkuasa negeri-negeri pengeluar minyak iaitu Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.
58. PR-1242-L43659
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa penambahbaikan proses pilihan raya dengan menukar definisi undi awal untuk anggota keselamatan serta suami-suami mereka di kem-kem diutamakan lebih daripada penggunaan dakwat dan membenarkan rakyat Malaysia di luar negara mengundi secara pos.
59. PR-1242-L44019
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan serta jumlah kos untuk melaksanakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal tahun 2007 dan setakat ini apakah pencapaian dan manfaat kepada rakyat.
60. PR-1242-L45030
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) atau pihak Kementerian Dalam Negeri atau Ketua Polis Negara bertanggungjawab dalam melaksanakan dan mengumumkan sebarang pelantikan dalam jawatan-jawatan tertinggi dalam PDRM.

61. PR-1242-L44933
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan peratusan komposisi bangsa (Melayu, Orang Asli/Orang Asal, Cina, India, dan lain-lain) kemasukan pelajar-pelajar semua aliran di sekolah Kerajaan (jenis kebangsaan, jenis kebangsaan Cina, jenis kebangsaan Tamil, agama) sejak 1969.
62. PR-1242-L44696
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sumber dan jumlah dana yang ada di Baitulmal Wilayah Persekutuan. Apa sebenarnya fungsi Baitulmal.
63. PR-1242-L43952
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan projek-projek yang sedang diadakan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Apakah jumlah peruntukannya.
64. PR-1242-L44371
Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan kenapa rumah Dato' Maharajalela, makam raja-raja dan lain-lain bahan sejarah di Pasir Salak yang boleh menjadi bahan tarikan pelancongan dibiarkan begitu sahaja dan tidak ada tindakan diambil sebagaimana yang sepatutnya.
65. PR-1242-L43331
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan dengan lawatan Datin Seri Rosmah Mansor iaitu isteri kepada YAB Perdana Menteri ke Istanbul dari 5hb Mei 2011 hingga 7hb Mei 2011:-
- (a) berapakah kos yang ditanggung Kerajaan bagi membiayai lawatan tersebut; dan
 - (b) apakah yang menjadi objektif lawatan tersebut dan adakah objektif tersebut tercapai.
66. PR-1242-L44297
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan pembinaan SJKC Sungai Long, SJKC Kajang dan SJKC Bukit Serdang.
67. PR-1242-L43604
Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah dan penguatkuasaan yang dilakukan dalam membendung penggunaan perisian komputer cetak rompak oleh syarikat-syarikat komersial yang semakin berleluasa sejak kebelakangan ini
68. PR-1242-L43863
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia dalam kes pembunuhan Osama bin Laden di Pakistan baru-baru ini.

69. PR-1242-L44829
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha telah dibuat untuk mewartakan undang-undang bagi pendaftaran secara automatik umur 18 tahun untuk kelayakan menjadi pengundi.
70. PR-1242-L44768
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sebab-sebab harga gula pasir perlu dinaikkan lagi menjadi RM2.30 per kilo walaupun mendapat bantahan umum.
71. PR-1242-L43958
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah keperluan tenaga semasa negara dan adakah dapat sumber-sumber tenaga yang ada sekarang mencukupi untuk menampung keperluan tenaga menjelang tahun 2020.
72. PR-1242-L44991
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapakah pihak Kementerian tidak mewajibkan satu kajian DEIA (Detail Environmental Impact Assessment) dibuat sebelum mengeluarkan kelulusan kepada LAMP (Lynas Advanced Material Plant).
73. PR-1242-L44613
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos yang dikeluarkan untuk pembinaan bangunan-bangunan Mahkamah di seluruh Malaysia dalam sepuluh tahun lalu dan tahap pembinaan sehingga sekarang. Secara spesifik kenapa bangunan Mahkamah Klang masih belum siap dan apakah tindakan Kerajaan.
74. PR-1242-L43254
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah jenis insentif yang diberikan kepada penjawat awam yang berprestasi tinggi; dan
 - (b) apakah pula tindakan yang diambil kepada penjawat awam yang dianggap sebagai "*Dead Wood*" serta jumlah yang telah diambil tindakan dan adakah kaedah "*Hire And Fire*" akan digunakan dalam sistem masa kini bagi memastikan penjawat awam "*Bersih, Cekap dan Amanah*".
75. PR-1242-L44550
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah Kerajaan hanya memperuntukkan sejumlah kecil RM2.4 juta bagi Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), yang berpotensi memupuk integrasi murid dari usia muda, berbanding Latihan Khidmat Negara yang mencecah RM563.96 juta.

76. PR-1242-L44963
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status Pusat Ternakan Lembu di Gemas dan Pusat Ternakan Kambing Boer di Pondok Tanjung.
77. PR-1242-L44895
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan siasatan polis terhadap dakwaan Utusan Malaysia (7hb Mei 2011) mengenai komplot parti politik dan gereja untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Kristian. Nyatakan juga sama ada terdapat mana-mana ahli politik, paderi, wartawan/atau blogger yang telah bersalah dan akan dihukum atau ditahan di bawah ISA.
78. PR-1242-L43322
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang diagihkan kepada setiap negeri dalam Rancangan Malaysia Ke-7, 8, 9, 10 dan senarai projek-projek dengan nilainya yang telah dilaksanakan dalam RMK-9 dan yang sedang dilaksanakan bagi RMK-10.
79. PR-1242-L43443
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah hasil perbincangan daripada Bengkel PEMANDU selesai dan bilakah cadangan-cadangan untuk membanteras dan seterusnya menyelesaikan masalah kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI/PTI) diumumkan dan dilaksanakan.
80. PR-1242-L43197
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) siapa yang bertanggungjawab dan apakah sebab-sebabnya yang menyebabkan "terjemahan salah dalam Bahasa Cina" di atas backdrop semasa lawatan Perdana Menteri China, Wen JiaBao, ke Malaysia pada bulan April; dan
 - (b) pada hal terdapat ramai Setiausaha Politik berbangsa Cina di Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri pengiring Tan Sri Koh Tsu Koon, mengapakah terjemahan itu tidak dibaca dengan teliti terlebih dahulu, hingga memalukan Malaysia kerana perkara ini telah disebarikan secara meluas di Internet.
81. PR-1242-L44086
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah peniaga yang dikenakan tindakan kerana melakukan pelbagai kesalahan berikutan kenaikan harga gula baru-baru ini.
82. PR-1242-L44912
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan perbelanjaan yang digunakan bagi lawatan rasmi YAB Perdana Menteri di luar negara termasuk Australia, Britain dan Amerika Syarikat pada tahun ini.

83. PR-1242-L43867
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi menjelas dan menjernihkan suasana berhubung dengan kontroversi kedudukan Islam dalam Perlembagaan Negara, apakah Kerajaan bersedia untuk meminda Perkara 3(1) dengan menyebut Islam 'sebagai agama rasmi Persekutuan'. Ini selaras dengan hakikat bahawa sebahagian besar Menteri mensinonimkan Islam sebagai 'agama Persekutuan' (*religion of the Federation*) dengan Islam sebagai 'agama rasmi negara' (*the official religion of the Federation*) dalam ucapan mereka.
84. PR-1242-L44639
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status siasatan berkaitan dakwaan penjualan bangkai daging babi. Sekiranya benar, apakah tindakan yang diambil. Sekiranya tidak benar, apakah tindakan yang akan diambil terhadap orang yang berkaitan dengan dakwaan itu.
85. PR-1242-L44278
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan penjelasan berkaitan dengan hasil kajian makmal NKRA kualiti guru, apakah langkah memberi pengiktirafan kepada sebahagian kecil guru sahaja yang diisytiharkan sempena Hari Guru lalu adalah hasil daripada kajian makmal tersebut.
86. PR-1242-L43454
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang dirancang dan telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam RMK-10 bagi meningkatkan hasil pertanian bagi petani-petani, nyatakan peranan serta projek yang telah dilaksanakan oleh MADA setakat ini untuk memajukan petani khususnya di negeri Kedah Darul Aman (Jelapang Padi).
87. PR-1242-L43156
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengambil sebarang tindakan tegas ke atas akhbar Utusan Malaysia, akibat beberapa laporan sensasinya yang boleh mencetuskan salah faham antara kaum dan memudaratkan perpaduan negara.
88. PR-1242-L43624
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian berhubung berita dan tulisan yang bersifat menghasut oleh Utusan Malaysia yang boleh menimbulkan ketegangan kaum dan agama.
89. PR-1242-L43864
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bila Lebuh raya Persisiran Pantai, Jambatan Permas Jaya-Bakar Batu, Lingkaran Taman Impian Emas-Jalan Pontian, Jambatan Bertingkat Jalan Pontian-Senai, Lebuh raya Senai-Desaru dan Jambatan Bertingkat Senai dijangka siap. Apakah punca projek-projek tersebut ditangguhkan.

90. PR-1242-L43551
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai dasar 1 Pelajar 1 Sukan yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Apakah Kementerian sedar kesan buruk dari dasar ini kepada pembelajaran akademik dan kesan sosial negara. Apakah langkah susulan yang telah diambil oleh Kementerian bagi menyeimbangkan antara pendidikan agama dan sukan.
91. PR-1242-L44549
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan masih meneruskan langkah penjimatan kos dengan tidak menganjurkan mesyuarat atau majlis di hotel-hotel besar dan berapakah jumlah penjimatan yang terkumpul yang telah dicapai sejak ia mula diperkenalkan.
92. PR-1242-L44543
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif sendiri menyenaraikan semua loji air miliknya yang bernilai RM10 bilion. Bolehkah Menteri menyenaraikan semua loji air di Malaysia serta teknologi yang digunakan bagi membekalkan air bersih khususnya di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak.
93. PR-1242-L44568
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang ditanggung Kerajaan untuk membiayai kos rumah kediaman rasmi Perdana Menteri dan rumah kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri setiap tahun mulai tahun 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010 termasuk kos sewa, kos baik pulih serta bil elektrik dan air setiap tahun.
94. PR-1242-L43243
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan jalur lebar dan perkhidmatan telefon terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan terpencil di negara ini.
95. PR-1242-L44677
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah yang dilakukan Kementerian bagi meningkatkan kualiti pendidikan terutama masyarakat luar bandar; dan
 - (b) benarkah dakwaan bahawa Kementerian mengurangkan pelbagai perbelanjaan pengurusan terutama yang melibatkan kebajikan guru-guru.

96. PR-1242-L44239
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu sebagai lapangan terbang antarabangsa.
97. PR-1242-L44140
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Bahasa Mandarin dan Tamil akan diajar di semua sekolah (Sekolah Kebangsaan dan Vernakular) Jika tidak, kenapa.
98. PR-1242-L44101
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap makanan *Genetically Modified Organism* (GMO). Mengapakah tidak diwajibkan pelabelan makanan sedemikian untuk pengetahuan pengguna.
99. PR-1242-L44791
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan isi rumah mengikut negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang tidak mendapat bekalan asas air, elektrik dan jaringan perhubungan yang masih mundur, berapa peruntukan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah rakyat tersebut serta sebab-sebab keadaan sedemikian masih berterusan.
100. PR-1242-L43203
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah pusat dialisis yang dioperasikan oleh Pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dalam setiap negeri serta bilangan pusat dialisis yang ditutup dan sebab-sebab utamanya oleh kerana tidak mematuhi peraturan-peraturan Kerajaan kebelakangan ini; dan
 - (b) apakah kesan penutupan pusat dialisis di setiap negeri pada pesakit-pesakit dialisis terutama sekali subsidi bagi pesakit-pesakit yang miskin.
101. PR-1242-L43812
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan negeri Kelantan yang telah mengharamkan sebarang aktiviti perjudian termasuk penjualan loteri kebajikan adalah bertentangan dengan Perlembagaan Negara.
102. PR-1242-L44453
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang prestasi kesemua syarikat penerbangan kos rendah (Low Cost Carrier – LCC) Malaysia :-
- (a) senaraikan kesemua destinasi dalam negara dan luar negara yang diperolehi setiap syarikat; dan

- (b) adakah syarikat penerbangan LCC ini bercadang menggunakan Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka untuk destinasi baru mereka yang baru.
103. PR-1242-L44233
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bilangan kehadiran pelancong Asia Barat ke Malaysia dalam tempoh 4 bulan pertama tahun ini dan bandingannya dengan 4 bulan pertama tahun lepas.
104. PR-1242-L44661
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) usaha meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat dan apakah Kerajaan telah berpuas hati; dan
- (b) apakah bentuk tindakan yang telah diambil terhadap pihak-pihak yang sengaja menimbulkan isu sensitif dalam negara ini.
105. PR-1242-L45008
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah permukaan jalan raya yang tidak berkualiti yang mengakibatkan kemalangan jalan raya di negara ini dan apakah standard pembinaan jalan raya bersesuaian dengan penggunaan tayar kenderaan.
106. PR-1242-L43388
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan terhadap rakyat asing tanpa izin yang berniaga tanpa permit di pasar sekitar Pulau Pinang melalui ejen-ejen haram yang rata-ratanya terdiri daripada pendatang-pendatang yang telah mendapat status *Permanent Resident* (PR).
107. PR-1242-L45006
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemudahan yang telah disediakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk rakyat Malaysia yang ingin mengundi di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara.
108. PR-1242-L43670
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendekatan terbaik dari kajian kualitatif dan kuantitatif dan mengambil kira segala aspek sumber dan kapasiti. Adakah pendekatan yang sama telah dibuat ke atas rumusan seperti berita ini :
"JELI, 12 Mei (Bernama) - Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) perlu memberi penekanan terhadap penjenamaan produk mereka untuk memastikan ia dapat menembusi pasaran lebih luas termasuk ke peringkat antarabangsa".

109. PR-1242-L43346
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan proses peralihan BERNAMA TV dikembalikan semula di bawah bidang kuasa Kementerian serta apakah bentuk dan hala tuju bagi BERNAMA TV dalam membantu agenda Kerajaan.
110. PR-1242-L43482
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pelaksanaan gaji minima kepada semua sektor sama ada sektor Kerajaan atau swasta memandangkan usaha merasionalisasikan subsidi turut melibatkan kesemua mereka.
111. PR-1242-L43639
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kesan-kesan positif yang lahir daripada pemberian komputer riba kepada pelajar-pelajar yang boleh nampak melalui keputusan peperiksaan pelajar sekolah.
112. PR-1242-L43446
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam perancangan Koridor Pembangunan Negeri Sabah, selain daripada Sandakan di Wilayah Koridor Timur, Keningau di Wilayah Koridor Pedalaman juga dipersetujui dijadikan Pusat Pendidikan atau Education Hub dan jika sedar apakah tindakan Kementerian terhadap pengisian institusi-institusi pendidikan yang telah ditempatkan di Education Hub Pedalaman.
113. PR-1242-L43400
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah positif Kerajaan bagi menangani isu keganasan (*terrorism*) serta punca yang dikenal pasti mengakibatkan masalah tersebut berleluasa.
114. PR-1242-L43266
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi bagi menangani isu cukai tanah Universiti Utara Malaysia (UUM) yang perlu dibayar pada kadar penuh iaitu RM1.743 juta setahun dan tindakan Kerajaan Negeri menolak rayuan UUM untuk mendapatkan rebat cukai tanah serta nyatakan implikasinya kepada UUM.
115. PR-1242-L44221
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan syarat-syarat dalam kenaikan gaji dan pangkat guru-guru yang diumumkan oleh Perdana Menteri sempena Hari Guru tahun 2011 dalam merangsangkan motivasi guru.

116. PR-1242-L43802
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) apakah tujuan transaksi kewangan berkaitan pembelian Scorpene kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Jika ya, berapakah jumlah dan tarikh transaksi; dan
 - (b) sama ada Kerajaan akan menghantar peguam atau pemerhati ke mahkamah Perancis untuk menjelaskan isu Scorpene.
117. PR-1242-L44145
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab mengapa tiada undang-undang digubal untuk mengadakan peraturan sumbangan dana politik kepada ahli-ahli politik dan parti-parti politik dan bagaimanakah Kerajaan boleh memastikan bahawa dasar-dasar dan keputusan-keputusannya tidak akan dipengaruhi akibat kekurangan ketelusan dan akauntabiliti dalam tabung politiknya.
118. PR-1242-L44193
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan projek Wakaf Mart dan Bazar Wakaf Rakyat sepanjang tahun 2011.
119. PR-1242-L44192
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Akta Bidang kuasa Jenayah (Mahkamah Syariah) 1984 akan dipinda dan jika ya, apakah hukuman yang dicadangkan.
120. PR-1242-L44222
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan terkini Tenaga Nuklear Negara berikutan daripada kemalangan reaktor nuklear di Fukushima, Jepun.
121. PR-1242-L43795
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tarikh balai polis di Bandar Country Homes akan siap dibina dan jumlah balai polis yang dicadangkan akan dibina di dalam negara dalam 5 tahun berikutnya.
122. PR-1242-L45071
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bahawa memandangkan masalah tanah runtuh berdekatan Highland Tower dan beberapa tempat yang lain, apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil oleh pihak berkuasa semasa memberi kelulusan projek perumahan untuk memastikan keselamatan awam dan untuk mengelakkan daripada kehilangan nyawa.
123. PR-1242-L43191
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bukti-bukti bahawa usaha untuk menyemai, membina dan membentuk nilai 1Malaysia telah mencapai hasil yang menggalakkan.

124. PR-1242-L44434
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan rakyat yang telah menjalankan *medical check-up* di hospital dan klinik swasta mengikut pecahan kaum dan jantina dalam tempoh 2000-2010. Adakah Kementerian merancang untuk memberikan pemeriksaan ini secara percuma kepada rakyat.
125. PR-1242-L43655
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dapatkah Kerajaan melaksanakan pembinaan jalan dari Ipai ke Pendam untuk manfaat rakyat di sepanjang Sungai Limbang dan sebagai pemisah antara sempadan dengan negara jiran yang begitu hampir.
126. PR-1242-L44719
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memberikan elaun khas kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga mereka untuk membantu rakyat tempatan dan pada masa yang sama menaikkan status KRT ini sebaya dengan JKKKP.
127. PR-1242-L44541
Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan terhadap Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil RRI Sg. Buloh yang kedudukannya tergugat akibat Pembangunan Semula Tanah Sungai Buloh. Nyatakan dengan bentuk pampasan kepada sekolah tersebut serta penduduk kawasan tersebut.
128. PR-1242-L44073
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai negara terbaik di peringkat ASEAN yang mempatenkan hasil inovasi dan pengkomersialan produk tempatan.
129. PR-1242-L43616
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan akan bertindak untuk menangani rintihan dan masalah yang dihadapi oleh kira-kira 400,000 orang guru kelas biasa dan memberi lebih banyak peluang kenaikan pangkat.
130. PR-1242-L43507
Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada terdapat peraturan dan kawalan bagi produk-produk herba, sama ada berbentuk makanan mahupun bagi kegunaan luaran yang dijual di merata tempat, untuk memastikan produk-produk tersebut selamat dari segi kesihatan.
131. PR-1242-L44352
Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan peruntukan di bawah skim makanan untuk murid-murid di sekolah berasrama bagi kedua-dua sekolah rendah dan menengah. Adakah peruntukan yang diberi kepada seorang murid itu mencukupi atau tidak.

132. PR-1242-L43760
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah dalam peratus (%) rakyat negeri Sarawak yang kini berkhidmat daripada pangkat Timbalan Pengarah ke pangkat Ketua Setiausaha bagi semua Kementerian pada masa kini.
133. PR-1242-L44707
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butiran perjanjian antara Australia dan Malaysia mengenai pertukaran pelarian asing yang memohon suaka politik dan apakah impak perjanjian ini kepada negara daripada segi ekonomi dan sosial.
134. PR-1242-L44166
Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan bagi menghantar balik lebih 9,300 banduan warga asing yang kini berada dalam penjara di seluruh negara ke negara asal masing-masing.
135. PR-1242-L44129
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru-guru yang dikenakan tindakan disiplin sejak tahun 2008 dengan menyenaraikan jenis kesalahan yang dilakukan serta jenis tindakan yang diambil terhadap mereka.
136. PR-1242-L44285
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) hasil maklum balas awam terhadap projek *Mass Rapid Transit* (MRT) Lembah Klang laluan Sungai Buloh-Kajang selepas tempoh pameran umum yang tamat pada 14 Mei 2011; dan
 - (b) apakah penerapan pandangan awam yang telah diambil kira bagi menambah baik kesempurnaan projek MRT tersebut yang dijangka akan bermula pada Julai 2011.
137. PR-1242-L43426
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh pihak Bank Negara ke atas syarikat-syarikat insurans bagi memastikan pemegang polisi mendapat keadilan dan hak yang sepatutnya terutama pemegang polisi kenderaan yang melebihi 10 tahun.
138. PR-1242-L43418
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah pembinaan empangan hidroelektrik kedua di Tasik Kenyir dijangka siap dan berapakah jumlah kos yang terlibat. Sehubungan dengan itu berapakah jumlah cukai taksiran yang sepatutnya dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari Stesen Jana kuasa Elektrik Sultan Mahmud Kenyir kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu setiap tahun.

139. PR-1242-L44479
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah penjawat awam yang diisytiharkan muflis; dan
 - (b) apakah langkah Kerajaan untuk membantu mereka ini.
140. PR-1242-L44319
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap media-media bukan Melayu (cetak & siber) yang memainkan isu perkauman dan agama yang melampau; dan
 - (b) adakah Kerajaan menyedari kegagalan bertindak tegas setakat ini memberi persepsi yang sangat negatif bagi masyarakat Melayu/ Islam seolah-olah Kerajaan gagal dan takut mengambil tindakan.
141. PR-1242-L43948
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kajian yang telah dibuat untuk mendapat tahu keadaan penganiayaan pelajar di seluruh negara. Apakah jenis penganiayaan, kes-kes yang telah terbongkar dan langkah-langkah berkesan yang diambil untuk mencegahnya.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2011.

2. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2011.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011 (D.R.11/2011) dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis. (21 Jun, 2011)**

[Kementerian Kewangan]

2. (D.R. 3/2011) Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (16 Jun, 2011)**

[Kementerian Belia dan Sukan]

3. (D.R. 5/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

4. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 “

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

5. (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 “

[Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar]

6. (D.R. 8/2011) Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Luar Negeri]

7. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 “

[Kementerian Kewangan]

8. (D.R. 10/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Kerja Raya]

9. (D.R. 9/2011) Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 “
[Kementerian Kesihatan]
10. (D.R. 12/2011) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 “
[Kementerian Kesihatan]
11. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 “
[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]
12. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “
[Kementerian Pertahanan]
13. (D.R. 14/2011) Rang Undang-undang Petroleum (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Kewangan]
14. (D.R. 17/2011) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 “
[Kementerian Sumber Manusia]
15. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Sumber Manusia]
16. (D.R. 16/2011) Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011 “
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]
17. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “
[Kementerian Kewangan]

18. PR-1242-U43283
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugas Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat.

Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrik, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

(Menteri Pertahanan)

19. PR-1242-U43291

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugas mereka semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

(Menteri Dalam Negeri)

20. PR-1242-U43292

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi.

Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak diiktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

21. PR-1242-U43302

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara. Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat diperindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

22. PR-1242-U43959

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

(Menteri Kesihatan)

23. PR-1242-U43960
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

(Menteri Pelajaran)

24. PR-1242-U44889
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama".

(Perdana Menteri)

25. PR-1242-U44890
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalaaan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

(Menteri Dalam Negeri)

26. PR-1242-U43366
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor mematuhi segala syarat dan keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuaiian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."

(Menteri Kewangan)

27. PR-1242-U43375

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara. Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

28. PR-1242-U43381

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bancian penduduk sejak tahun 1970 hingga bancian terkini 2010. Pengawalan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

29. PR-1242-U44783

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

30. PR-1242-U44788

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di Negara Taiwan."

Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

(Menteri Kewangan)

31. PR-1242-U44154

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang. Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkutan paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jikalau pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggari kebebasan media dinegara ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkang kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

32. PR-1242-U44981

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

(Menteri Pelajaran)

33. PR-1242-U44983

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

(Perdana Menteri)

34. PR-1242-U44985
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirahat dan siang bekerja. "

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

35. PR-1242-U45062
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manfaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

36. PR-1242-U45063
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga bukan negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

37. PR-1242-U45064
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

38. PR-1242-U43833
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urusan niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkuasa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat. Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang membenarkan untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Wareh Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu memberi keterangan."

(Perdana Menteri)

39. PR-1242-U43387
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit dikekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

(Perdana Menteri)

40. PR-1242-U43398
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

(Perdana Menteri)

41. PR-1242-U43402
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

42. PR-1242-U43408

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".

(Menteri Dalam Negeri)

43. PR-1242-U43419

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jikalau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".

(Menteri Dalam Negeri)

44. PR-1242-U43421

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".

(Perdana Menteri)

45. PR-1242-U43424

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barangan kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

46. PR-1242-U43425

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

47. PR-1242-U43427
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".
(Perdana Menteri)
48. PR-1242-U43429
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barangan lain juga akan turut naik. Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."
(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)
49. PR-1242-U43431
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."
(Menteri Pelajaran)
50. PR-1242-U43756
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."
(Menteri Pertahanan)
51. PR-1242-U43407
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat" .
(Menteri Dalam Negeri)

52. PR-1242-U43410
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memeralatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin dikalangan rakyat sejak sebelum Merdeka".
(Menteri Dalam Negeri)
53. PR-1242-U43412
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1 Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkukuhkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."
(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)
54. PR-1242-U43414
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan. Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".
(Menteri Belia dan Sukan)
55. PR-1242-U43471
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."
(Menteri Dalam Negeri)

56. PR-1242-U43476
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

57. PR-1242-U44950
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

58. PR-1242-U44952
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

59. PR-1242-U44876
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuhraya Malaysia."

(Perdana Menteri)

60. PR-1242-U44878

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."

(Menteri Dalam Negeri)

61. PR-1242-U44880

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

62. PR-1242-U44881

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

63. PR-1242-U44883

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

(Menteri Kewangan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.32	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2010	22 Jun 2011
ST.33	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2010	22 Jun 2011
ST.34	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2010	22 Jun 2011
ST.35	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2010	22 Jun 2011

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri yang Bertanggungjawab
1. 22.6.2011 (Rabu)	1. YB. Datuk Chua Soon Bui (Tawau)	1. Minyak dan Gas	1. YAB Perdana Menteri
2. 22.6.2011 (Rabu)	2. YB. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)	2. Mengembalikan status kerakyatan Lin Lian Geok	2. YB Menteri Dalam Negeri